



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 03/2023

HATI-HATI TIPU DAYA SIBER DAN SCAM

27 Jamadil Akhir 1443 H

Bersamaan

20 Januari 2023

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah SWT merahmati dan memberkati kehidupan kita di dunia dan di akhirat .

Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk

Hati-Hati Tipu Daya Siber dan Scam .

Sebelum itu, mimbar ingin mengingatkan agar jemaah sekalian dapat menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan, matikan telefon bimbit, janganlah berbual-bual atau tidur serta tangguhkanlah urusanniaga yang dilakukan. Mimbar juga mengingatkan kepada anak-anak dan pelajar-pelajar sekolah supaya tidak bermain dan membuat bising ketika khatib sedang berkhotbah. Semoga kita semua mendapat manfaat melalui bicara mimbar pada hari ini.

Sidang Jemaah yang berbahagia,

Syariat Islam telah diturunkan oleh Allah S.W.T sebagai suatu bentuk penyempurnaan nikmat terbesar ke atas umat manusia. Syariat ini merangkumi segala aspek kehidupan seorang Muslim di dunia mahupun di akhirat dan salah satunya ialah syariat tentang perolehan dan pemeliharaan harta. Tujuannya supaya setiap manusia memperoleh hak dan memelihara harta dengan cara yang dibenarkan Syariat dan bukannya melalui cara yang batil dan haram. Hayatilah firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa' ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ

تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Bermaksud: Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan jalan salah, kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antaramu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihi kamu.

Menerusi kefahaman ayat ini, umat Islam tidak dibenarkan untuk mengambil harta orang lain tanpa keizinan daripada pemiliknya. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, aktiviti jenayah penipuan siber atau scam banyak berlaku melibatkan pengambilan harta secara batil. Melalui kecanggihan dan kemudahan teknologi serta perbankan, penipu siber atau scammer berjaya memanipulasi, menipu dan memperdaya masyarakat dalam melakukan jenayah tersebut.

Hari demi hari, kes melibatkan penipuan siber atau scam direkodkan. Berdasarkan statistik, jumlah kes penipuan siber yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun

2017 hingga Jun 2022 adalah hampir mencecah 90 ribu kes yang melibatkan kerugian bernilai RM2.9 billion. Kes Belian Atas Talian mencatatkan kes tertinggi berbanding kes-kes yang lain iaitu melebihi 32 ribu kes. Pastinya, jumlah kes penipuan ini amatlah membimbangkan.

Sidang Jemaah yang dimuliakan ,

Kaedah dan cara jenayah siber sering berubah-ubah. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengenal pasti beberapa kaedah dan modus operandi yang digunakan melalui internet dan media sosial. Antaranya adalah Macau Scam, Love Scam, jenayah e-Dagang, aplikasi malware, tipu pelaburan atau pinjaman tidak wujud, penyamaran sebagai pihak berkuasa seperti polis, pegawai pencegahan rasuah, pegawai kastam, wakil mahkamah, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri, pegawai bank dan sebagainya.

Penjenayah semakin bijak memanipulasi kecanggihan teknologi masa kini dengan membangunkan aplikasi yang tidak selamat menggunakan perisian malware bertujuan untuk mengintip maklumat peribadi dan data perbankan mangsa. Jenayah parcel scam juga menjadi antara trend terkini di mana penjenayah bijak menyamar, sebagai contoh penyamaran sebagai syarikat kurier. Mangsa yang terpedaya didakwa mempunyai parcel atau barang yang tidak dituntut. Kemudiannya mendakwa laporan polis telah dibuat dan menyebabkan kegelisahan kepada mangsa sehingga mangsa mendedahkan maklumat peribadi akibat takut akan tindakan polis. Mimbar ingin menegaskan, kedua-dua jenayah ini boleh disabitkan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Masyarakat yang terdesak atau ingin mencari pendapatan lebih mudah menjadi sasaran jenayah siber ini. Terpedaya dengan habuan kewangan yang ditawarkan,

tanpa disedari mereka telah dipergunakan bagi tujuan akaun keldai atau akaun tumpang. Sebagai pemilik akaun, mereka akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas transaksi kewangan yang tidak sah dan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh penjenayah. Jika disabitkan kesalahan, pemilik akaun akan didakwa mengikut Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Anti-Keganasan dan Hasil Kegiatan Haram dan Seksyen 424 Kanun Keseksaan.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mimbar ingin berpesan dan menasihati kepada semua agar kita melindungi diri daripada menjadi mangsa atau terlibat dengan jenayah ini. Antaranya:

Semak dan rujuk agensi rasmi berkaitan untuk pengesahan tentang sesuatu perkara. Janganlah layan sebarang panggilan telefon daripada pihak yang tidak dikenali, segera putuskan panggilan jika berasa curiga atau takut .

Elakkan daripada klik sebarang pautan yang diterima daripada pihak tidak dikenali atau memuat turun sebarang aplikasi yang meragukan untuk mengelak daripada terdedahnya maklumat peribadi kita.

Ahli keluarga perlulah berbicara dan mengingatkan tentang kaedah penipuan siber ini dan berbincanglah dengan orang lain sebelum melakukan transaksi kewangan yang besar dan mencurigakan.

Berfikirlah dengan waras sebelum bersekongkol dengan penjenayah sebagai pemilik akaun keldai yang menyalahi undang-undang.

Sebagai tambahan, mimbar juga ingin berkongsi beberapa saluran dan inisiatif yang digerakkan oleh PDRM dan institusi perbankan yang boleh menjadi rujukan kita semua. Antaranya, PDRM telah menubuhkan Pusat Respon Scam Jabatan Siasatan

Jenayah Komersil (JSJK), infoline, aplikasi SemakMule, hebahan maklumat dan informasi melalui aplikasi media sosial Facebook dan Instagram Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK).

Institusi perbankan juga telah banyak menyebarkan informasi tentang bahaya menjadi mangsa jenayah penipuan dan akibat terlibat dengan akaun keldai. Oleh yang demikian, diharapkan supaya kita dapat sama-sama menyebarkan mesej ini kepada rakan, ahli keluarga dan orang di sekeliling kita sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

مُتَعَاوِنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ



Bermaksud: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama: Islam amat mementingkan aspek penjagaan harta dalam kehidupan manusia dan dilarang mengambil harta dan merampas harta orang lain dengan cara yang batil.

Kedua: Sentiasa waspada dengan sebarang bentuk penipuan / scam dan cakna dengan muslihat yang dilakukan oleh scammer serta segera melaporkan kepada pihak berkuasa.

Ketiga: Lindungi data peribadi dan maklumat akaun bank supaya kita tidak mudah menjadi mangsa jenayah siber.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا يَفْتَحُ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكُ فَلَا مُرْسِلَ لَهُ مِنْ

بَعْدِهِ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Bermaksud: Apa jua rahmat yang dibukakan oleh Allah kepada manusia, maka tidak ada sesuatu pun yang dapat menahannya; dan apa jua yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatu pun yang dapat melepaskannya sesudah itu. Dan ingatlah, Dialah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah Fathir ayat: 2)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ
مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ
تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ
الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkarannya, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللهُ.